

## Pemilihan Bahasa Masyarakat Jahut Di Pahang

Nur Faaizah Binti Md Adam<sup>1</sup> dan Mohd Sharifudin Yusop<sup>2</sup>  
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, 43400 Selangor Darul Ehsan

### ABSTRAK

Masyarakat orang Asli merupakan kumpulan minoriti di Malaysia. Secara rasminya, masyarakat orang Asli dibahagikan kepada tiga kumpulan besar iaitu Negrato, Senoi dan Proto. Suku kaum Jahut tergolong dalam suku masyarakat orang Asli Senoi. Kelompok Senoi merupakan kelompok orang asli yang terbesar, diikuti oleh kelompok Melayu-Proto dan kelompok Negrato. Sejumlah 4,717 orang Jahut terdapat di Pahang, khususnya di daerah Temerloh. Sebilangan kecil terdapat di Perak dan Selangor. Bilangan keseluruhan menurut Bancian JHEOA 2003 ialah seramai 5,104 orang Jahut. Walaupun kelompok Senoi merupakan orang Asli yang terbesar, tetapi mereka masih tergolong dalam kelompok minoriti berbanding masyarakat lain seperti Melayu, India Cina dan diancam kepupusan. Kepupusan dan kematian bahasa ini akan menyebabkan hilangnya seluruh budaya dan cara kehidupan kaum yang menuturkannya. Oleh itu, penelitian terhadap masyarakat Jahut ini sangat penting untuk mengelakkan kepupusan seterusnya dapat menilai tahap bahasa Jahut dalam kalangan mereka. Kajian ini memberi tumpuan terhadap penggunaan bahasa Jahut yang dituturkan di Kampung Pian, Kuala Krau Pahang. Tujuan kajian ini ialah menganalisis kesan pemilihan bahasa masyarakat Jahut dalam kalangan masyarakat Jahut. Informan terdiri daripada penutur-penutur natif suku kaum Jahut. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori Tipologi Keterancaman Bahasa. Teori ini digunakan kerana bersesuaian dengan aspek yang ingin dikaji. Pengkaji juga menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif dalam kajian ini untuk mengkaji berkaitan dengan tingkah laku bahasa masyarakat bahasa Jahut dengan menggunakan kaedah soal selidik, pemerhatian dan rakaman. Data-data yang telah diketip, dianalisis dan dipaparkan dalam bentuk peratusan. Hasil dapatan yang diperolehi daripada mandala kekeluargaan dan kemasyarakatan mendapati masyarakat Jahut masih lagi memelihara bahasa mereka dan mampu melestarikan bahasa mereka dengan baik. Kajian yang dilakukan ini diharapkan dapat memberi maklumat tentang status dan tahap kelestariannya dalam kalangan penutur natif masyarakat Jahut.

**Kata kunci:** Pemilihan, bahasa, masyarakat, Jahut.

---

<sup>1</sup> E-mel: nur\_faaizah88@yahoo.com, No. Tel: +60193674262

<sup>2</sup> E-mel: mosy@upm.edu.my, No. Tel: +60193885760

## 1.0 PENGENALAN

Bahasa merupakan alat yang digunakan oleh manusia sesama mereka untuk menyampaikan dan menerima maklumat. Oleh itu, bahasa merupakan cerminan akal budi atau pemikiran. Adalah mustahil bagi sesebuah masyarakat untuk berkomunikasi tanpa menggunakan bahasa. Perkembangan globalisasi menjadikan bahasa perlu bersaing dan senada mengikut arus yang sama, tetapi perlu mengekalkan keaslian dan ketulenan. Dalam masyarakat yang multibahasa, persaingan bahasa merupakan fenomena biasa dalam hubungan sosial.

Ismail Salleh dalam *Devan Babasa* (Mac 2012) menyatakan proses kepupusan sesuatu bahasa akan berlaku selepas sesuatu bahasa itu hanya dituturkan oleh beberapa orang yang sudah lanjut usia. Generasi baharu tidak mempelajari dan mewarisi bahasa kaumnya lagi. Mereka langsung tidak mempedulikannya lagi apatah lagi mahu menggunakannya. Generasi muda ini akan memilih bahasa utama negaranya yang menjadi bahasa perhubungan luas. Mungkin bahasa itu bertaraf bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara, merangkap bahasa pendidikan kebangsaan dan bahasa kerja yang mempunyai nilai ekonomi. Sesuatu bahasa akan mati dengan sendiri apabila penutur jati (asli) bahasa berkenaan sudah tidak wujud lagi. Hal sedemikian rupa bertepatan dengan peribahasa Melayu “hilang bahasa, lenyaplah bangsa”.

Kematian bahasa akan menyebabkan hilangnya seluruh budaya dan cara kehidupan kaum yang menuturkannya. Bahasa yang mati tidak dapat dihidupkan kembali dan akan mati bersama penuturnya. Apabila sesuatu bahasa mati, segala ciptaan unik manusia penuturnya akan turut lenyap. Ini satu tragedi yang seharusnya dielakkan. Kita tidak seharusnya membenarkan dunia ini didominasi oleh bahasa tertentu sahaja kerana bahasa minoriti perlu diberi peluang untuk bernafas dan memainkan peranannya. Apabila penutur sesuatu bahasa itu tidak ada lagi, akan hilang bersama-sama bahasa itu ialah segala kata, istilah dan ungkapan berkaitan dengan flora dan fauna di persekitaran kehidupan penutur itu.

Jeniri Amir (27 May 2009) dalam artikelnya yang bertajuk ‘Kematian Bahasa’ pula mengatakan bagaimana sesuatu bangsa atau kaum menanggapi sesuatu bahasa amat penting. Jika bahasa itu dipersepsikan tidak penting, mereka tidak akan berusaha untuk mempelajarinya sebaliknya jika bahasa itu dianggap penting, maka bahasa itu akan diutamakan. Mereka akan mempelajarinya bersungguh-sungguh, jika tidak mereka khuatir akan ketinggalan dari segi sosioekonomi. Itulah sebabnya bahasa yang memiliki nilai ekonomi yang tinggi semakin mengukuhkan kedudukannya, malah secara tidak langsung menjadi

bahasa pembunuh kepada bahasa minoriti. Jelaslah, faktor ekonomi juga mempunyai kesan besar terhadap kedudukan sesuatu bahasa.

Menurut David Crystal (2002) dalam Zainal Abidin Masleh (2011), setiap dua minggu bahasa Orang Asli atau peribumi akan pupus. Keadaan ini menyebabkan 5500-6000 bahasa yang digunakan sekarang akan bergabung dengan bahasa Latin dan Yunani sebagai bahasa yang mati. Pernyataan ini merupakan sesuatu yang amat membimbangkan. Oleh itu, kajian terhadap bahasa Jahut ini sangat penting untuk mengelakkan kematian atau kepunahan bahasa tersebut. Kurangnya penelitian terhadap masyarakat Jahut juga menjadi punca bahasa mereka diancam kepupusan kerana tiada proses pendokumentasian dilakukan terhadap bahasa mereka.

## **2.0 TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan menganalisis kesan pemilihan berbahasa dalam kalangan masyarakat Jahut terhadap bahasa Jahut di Pahang. Orang Asli Jahut tergolong dalam suku masyarakat orang Asli Senoi. Menurut Collin Nicholas (2000: 4), kelompok Senoi merupakan kelompok orang asli yang terbesar, diikuti oleh kelompok Melayu-Proto dan kelompok Negrito. Menurut Gumperz (1972) dalam Zainal Abidin Masleh (2011), sikap penutur dan tanggapan mereka terhadap bahasa ibunda yang menentukan jangka hayatnya. Faktor sikap sebagai punca berlakunya fenomena ini kerana tekanan daripada bahasa komuniti yang lebih dominan dan majoriti. Bagi masyarakat Jahut, mereka terpaksa menggunakan multibahasa iaitu bahasa Jahut dan bahasa Melayu kerana bahasa Melayu merupakan bahasa yang dominan di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat juga yang menggunakan bahasa ibunda mereka semasa berkomunikasi dengan seseorang. Pemilihan penggunaan bahasa masyarakat Jahut inilah dapat menilai status dan tahap bahasa mereka sama ada terancam atau tidak.

## **3.0 SOROTAN KAJIAN**

Kajian terhadap pelestarian dan kepupusan bahasa masih kurang dilakukan oleh pengkaji luar mahupun barat khususnya melibatkan bahasa peribumi dan bahasa minoriti di Malaysia. Hanya segelintir pengkaji sahaja yang meneliti bahasa dan masyarakat minoriti secara mendalam. Namun, kajian terhadap bahasa Jahut masih lagi tidak diterokai sepenuhnya oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

David Crystal (2000) merupakan seorang sarjana bahasa yang banyak terlibat dalam pengkajian bahasa peribumi di Indonesia. Beliau telah membuat kajian tentang kematian bahasa atau kepupusan bahasa di dunia dan hasilnya satu kajian yang bertajuk '*Language Death*' diketengahkan. Beliau menjelaskan secara terperinci tentang faktor-faktor kematian sesebuah bahasa. Menurut beliau, bahasa mati apabila penuturnya mati atas pelbagai sebab antaranya bencana alam seperti gempa bumi, gunung berapi, tsunami dan lain-lain.

Terdapat juga kematian sesebuah bahasa disebabkan keghairahan semasa terhadap penggunaan bahasa Inggeris secara meluas, asimilasi global serta penjajahan budaya. Walau apa pun faktor yang menyumbang ke arah kepupusan sesuatu bahasa, sikap masyarakat penutur terhadap bahasa mereka sendiri menjadi penentu terhadap kelestarian dan jangka hayat bahasa mereka. Bagi kelestarian sesuatu bahasa, kalangan penuturnya mestilah bersikap positif terhadap bahasa mereka sendiri dengan melenyapkan istilah dominasi bahasa. Semua bahasa bergerak dan berkembang tanpa dipengaruhi rasa rendah diri atau dipengaruhi oleh mana-mana bahasa yang lebih dominan.

Noriah dan Meriam Abd. Karim (2005) telah membuat kajian tentang Penggunaan Bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka menggunakan analisis domain. Melalui kajian domain ini, mereka cuba mengenal pasti corak pemilihan bahasa dalam kalangan penutur bahasa berdasarkan domain-domain tertentu. Mereka juga menggunakan pendekatan domain Fishman (1972) bagi menjelaskan corak pemilihan bahasa dalam kalangan penutur Chetti.

Melalui kajian ini, sebanyak tujuh domain telah dipilih iaitu domain kekeluargaan, kejiranan dan persahabatan, keagamaan, jual beli, pendidikan, pekerjaan dan pemerintahan. Hasil kajian Noriah dan Meriam menjelaskan bahawa bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka masih digunakan secara meluas terutama dalam domain kekeluargaan dan keagamaan. Dalam domain-domain lain, didapati penggunaan bahasa Kreol Chetti Melaka tidak begitu meluas kerana hubungan interaksi dengan bukan pengguna bahasa Kreol Chetti Melaka serta hubungan yang bersifat formal menggunakan bahasa Melayu standard dan bahasa Inggeris yang lebih domain.

Manakala, Zainal Abidin Masleh (2011) dalam tesisnya PHD yang bertajuk 'Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di Daerah Belaga, Sarawak' membincangkan mengenai kepupusan dan pelestarian bahasa minoriti terpencil yang masih baharu dan mula berkembang dalam kalangan penyelidik bahasa di negara kita. Bahasa Bhuket dan bahasa Lahanan merupakan bahasa minoriti terpencil di kawasan penempatan penduduk Sungai Asap, Belaga. Etnik Bhuket hanya berjumlah 469 orang dan

etnik Lahanan berjumlah 585 orang merupakan fokus utama kajian. Kedua-dua etnik ini merupakan subetnik bangsa Kajang yang hanya terdapat di Daerah Belaga, Sarawak. Hasil dapatan kajian menunjukkan semua kelompok umur etnik Bhuket dan etnik Lahanan berjaya mengekalkan warisan budaya dan bahasa dalam kehidupan seharian mereka. Sikap positif berjaya mengelak rasa rendah diri dan curiga terhadap bahasa mereka walaupun berada dalam kalangan penutur bahasa yang minoriti. Tinggal berkelompok dalam lingkaran rumah panjang telah menjadikan bahasa mereka kebal daripada segala pengaruh bahasa lain. Bahasa Bhuket dan bahasa Lahanan akan terus bertapak dan bertahan kerana kehidupan di rumah panjang telah berjaya membentuk sikap positif dan jati diri bangsa yang kental. Bahasa ibunda mereka medium utama dalam semua hal kehidupan serta wujudnya sikap hormat dan patuh pada peraturan berbahasa sesame etnik.

Mohd Sharifudin Yusop dalam judul buku 'Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano dan Kanaq' (2013) telah mengemukakan beberapa dapatan kajian yang memperlihatkan betapa kelompok orang Asli ini memerlukan pembelaan agar bahasa mereka terus dilestarikan. Jumlah populasi penduduk Kanaq yang hanya seramai 87 orang sahaja pastinya memerlukan komitmen dan kerjasama semua pihak bagi memastikan bahasanya terus wujud. Pendekatan sosiologi bahasa dalam kajian beliau membawa satu dimensi baharu yang lebih terarah bagi menjelaskan mengenai keusangan dialek Duano dan dialek Kanaq. Beliau juga menggunakan pemilihan mandala bagi menjelaskan sikap dan tahap penggunaan dialek kedua-dua etnik ini. Dalam kajian itu juga, beliau telah memilih lima jenis mandala iaitu mandala keluarga, mandala persahabatan, mandala agama, mandala pekerjaan dan mandala pendidikan.

#### **4.0 METODOLOGI**

Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji berkaitan dengan tingkah laku bahasa masyarakat bahasa Jahut dengan menggunakan kaedah soal selidik, pemerhatian dan rakaman. Soal selidik diedarkan secara rawak kepada 80 orang responden orang asli Jahut bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan data yang selengkapnya tentang penggunaan bahasa Jahut dalam kalangan mereka. Di samping itu, pendekatan kualitatif juga digunakan untuk mengumpulkan data-data yang menggambarkan tahap bahasa Jahut berdasarkan pemilihan berbahasa masyarakat Jahut.

Sampel bagi kajian ini ialah responden orang asli Jahut di Kampung Pian, Kuala Krau yang terletak di Pahang. Hanya penutur natif di kampung itu sahaja dipilih sebagai responden agar dapat memberi maklumat yang sah tentang tahap bahasa Jahut berdasarkan penggunaan bahasa mereka ketika berkomunikasi. Kajian lapangan ini dilakukan selama seminggu setelah memperoleh kebenaran rasmi daripada JAKOA Malaysia.

Untuk meneliti keadaan ini, pengkaji bersandarkan kepada Model Edward dan Model Sasse yang telah diubahsuai oleh Mohd Sharifudin (2013) untuk membina item-item soal selidik dan temu bual kajian ini. Model Sasse penting dalam menentukan skop item, manakala Model Edward pula bagi memperincikannya dengan soalan-soalan yang menjurus kepada penghuraian dan penjelasan sesuatu sikap bahasa.

**Jadual 1: Kerangka Tipologi Bahasa Minoriti Edward (1992)**

Kategori A	Kategori B		
Demografi	1	2	3
Sosiologi	4	5	6
Linguistik	7	8	9
Psikologi	10	11	12
Sejarah	13	14	15
Politik	16	17	18
Geografi	19	20	21
Pendidikan	22	23	24
Agama	25	26	27
Ekonomi	28	29	30
Teknologi	31	32	33

Menurut Edward, terlalu banyak angkubah yang boleh memberi kesan kepada kedudukan bahasa minoriti dan beliau menyusunnya dalam dua parameter yang dinamai Kategori A dan Kategori B. kategori A membabitkan aspek-aspek kemanusiaan iaitu demografi, sosiologi, linguistik, psikologi, sejarah, politik, geografi, pendidikan, agama, ekonomi dan teknologi, manakala Kategori B pula mengemukakan tiga skop yang membolehkan aspek-aspek dalam Kategori A diteliti iaitu penutur, bahasa dan latar kedua-dua parameter ini menerbitkan 33 persoalan khusus (Rujuk Jadual 1) yang digunakan untuk menilai daya tahan sesebuah bahasa dan membuat ramalan tentang penggunaan bahasa tersebut

Persoalan-persoalan tersebut adalah seperti berikut:

1. Bilangan penutur yang masih boleh bertutur dalam sesuatu bahasa, tempat yang paling ramai penutur
2. Perkembangan bahasa
3. Tempat asal bahasa
4. Status sosio-ekonomi penutur
5. Bentuk transmisi bahasa
6. Usaha-usaha yang dilakukan untuk melestari bahasa dahulu dan kini
7. Tahap kefasihan penutur
8. Tahap standardisasi bahasa
9. Bentuk mobiliti penutur
10. Sikap penutur terhadap bahasa ibundanya
11. Hubungan bahasa dengan identiti
12. Sikap penutur bahasa domain terhadap bahasa
13. Tempoh tinggal di sesebuah lokasi bahasa
14. Sejarah bahasa
15. Sejarah petempatan penutur bahasa
16. Hak penutur bahasa dan pengiktirafan terhadap mereka
17. Tahap pengiktirafan bahasa
18. Tahap autonomi dan status istimewa petempatan penutur
19. Bandar terdekat
20. Kawasan bahasa yang lain
21. Keadaan persekitaran bahasa
22. Tahap pendidikan penutur
23. Bentuk sokongan terhadap bahasa
24. Taraf pendidikan masyarakat umum dalam lingkungan bahasa
25. Agama penutur
26. Bentuk hubungan bahasa dengan agama/kepercayaan
27. Kepentingan agama di kawasan kajian
28. Tahap kesihatan
29. Perkaitan di antara bahasa dengan pencapaian ekonomi dan mobiliti
30. Status ekonomi kawasan kajian
31. Bahasa yang digunakan dalam media tertentu
32. Kedudukan bahasa dalam media
33. Sikap dan pandangan masyarakat umum tentang kawasan kajian.

**Jadual 2: Model Teoritik Kematian Bahasa Sasse (1992)**

Angkubah	Persoalan-persoalan
Faktor luaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Data sejarah yang menyebabkan ketidakseimbangan kekuatan pengaruh di antara bahasa-bahasa</li> <li>- Tekanan yang dihadapi kumpulan masyarakat bahasa minoriti</li> <li>- Sikap negatif terhadap bahasa minoriti</li> <li>- Pengabaian bahasa minoriti</li> </ul>
Tingkah laku bahasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemilihan bahasa berdasarkan mandala</li> <li>- Isu penguasaan bahasa kedua</li> <li>- Isu pewarisan bahasa kepada generasi baru</li> </ul>
Konsekuensi struktural	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kehilangan leksikon</li> <li>- Kegagalan mencipta istilah untuk kegunaan dalam mandala baru</li> <li>- Penganjakan kepada bahasa dominan</li> <li>- Kehilangan ciri-ciri linguistik</li> </ul>

## 5.0 DATA DAN ANALISIS PEMILIHAN BAHASA

Penggunaan kerangka Edward dan persoalan model Sasse ini penting bagi strategi pengumpulan data sikap penutur terhadap bahasa. Daripada kerangka Edward, hanya sebahagian persoalan sahaja yang dipilih untuk dimuatkan dalam soal selidik.

Bagi Model Sasse pula, tumpuan diberikan terhadap persoalan yang berkaitan dengan angkubah sosial membabitkan faktor luaran dan tingkah laku bahasa sahaja. Soalan-soalan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengetahuan dan sikap responden terhadap bahasa ibunda mereka.

Data ini juga dianalisis mengikut pengelompokan umur bagi memperlihatkan proses pewarisan dan tahap kebolehan berbahasa. Menurut Romaine (2000) dalam Mohd Sharifudin (2007), variabel tahap usia adalah satu-satunya yang konsisten dijadikan sandaran untuk menilai tahap hayat sesuatu bahasa.



## 5.1 Pemilihan Bahasa Jahut dalam Mandala Kemasyarakatan

### 5.1.1 Perbualan dengan Kawan-kawan

Kelompok usia (tahun)	BJ	BM	BJ+BM
6-19	7 (46.66%)	0 (0%)	8 (53.33%)
20-39	27 (69.23%)	0 (0%)	12 (30.769%)
40 ke atas	15 (57.69%)	0 (0%)	11 (42.30%)

Kelompok umur 6 hingga 19 tahun hanya menggunakan bahasa Jahut dan dwibahasa, iaitu bahasa Jahut dan bahasa Melayu apabila berkomunikasi dengan rakan-rakan. 46.66% responden menggunakan bahasa Jahut dan 53.33% menggunakan bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Kelompok umur 20 hingga 39 dan 40 ke atas juga menggunakan bahasa Jahut dan dwibahasa apabila bertutur dengan rakan-rakan. 69.23% responden menggunakan bahasa Jahut dan 30.76% menggunakan dwibahasa.

Kelompok umur 40 ke atas seramai 57.69% menggunakan bahasa Jahut dan 42.30% menggunakan bahasa Jahut dan bahasa Melayu ketika bertutur dengan rakan-rakan.

### 5.1.2 Perbualan dengan Jiran

Kelompok usia (tahun)	BJ	BM	BJ+BM
6-19	10 (66.66%)	0 (0%)	5 (33.33%)
20-39	31 (79.48%)	2 (5.128%)	6 (15.38%)
40 ke atas	21 (80.76%)	0 (0%)	5 (19.23%)

Seramai 66.66% responden daripada kelompok usia 6 hingga 19 tahun berkomunikasi dengan jiran mereka menggunakan bahasa Jahut dan 33.33% menggunakan dwibahasa, manakala, seramai 79.48% menggunakan bahasa Jahut, 5.12% menggunakan bahasa Melayu dan 15.38% menggunakan dwibahasa daripada kelompok usia 20 hingga 39 tahun.

Kelompok umur 40 ke atas 80.76% menggunakan bahas Jahut dan 19.23% menggunakan dwibahasa semasa bertutur dengan jiran

### ***5.1.3 Perbualan dengan Masyarakat Luar***

<b>Kelompok usia (tahun)</b>	<b>BJ</b>	<b>BM</b>	<b>BJ+BM</b>
6-19	0 (0%)	9 (60%)	6 (40%)
20-39	2 (5.128%)	28 (71.79%)	9 (23.076%)
40 ke atas	0 (0%)	24 (92.307%)	2 (7.69%)

Kebanyakan masyarakat orang asli Jahut ini berkomunikasi dengan masyarakat luar menggunakan bahasa Melayu dan dwibahasa agar memudahkan proses komunikasi berjalan dengan lancar dan tidak wujud perselisihan faham antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana masyarakat luar tidak mengetahui bahasa masyarakat minoriti. Menurut Giles (1997) dalam Nor Hisham (1999), penutur dwibahasa akan menyesuaikan bahasanya dengan orang yang dilawan bercakap. Namun begitu, penyesuaian tidaklah berlaku setiap masa. Pihak yang menyesuaikan bahasa dengan orang yang dilawan bercakap adalah orang yang kurang dominan, manakala kumpulan yang dominan akan mempertahankan bahasa atau kelainan mereka.

Kelompok umur 6 hingga 19 bertutur menggunakan bahasa Melayu dan dwibahasa dengan masyarakat luar. 60% menggunakan bahasa Melayu dan 40% menggunakan dwibahasa.

Seramai 5.13% daripada kelompok umur 20 hingga 39 tahun menggunakan bahasa Jahut ketika berkomunikasi dengan masyarakat luar, 71.79% menggunakan bahasa Melayu dan 23.07% menggunakan dwibahasa.

Manakala, seramai 92.30% daripada kelompok umur 40 ke atas menggunakan bahasa Melayu dan 7.69% menggunakan dwibahasa apabila berkomunikasi dengan orang luar.

### ***5.1.4 Perbualan dalam Pelbagai Situasi***

Pengkaji telah memilih sebelas perbualan dalam pelbagai situasi, iaitu perbualan ketika bertegur sapa, berjual beli, bermain, berada di majlis adat dan agama, menyanyi, mengira, berjenaka, memarahi seseorang, menyatakan perasaan sayang, berfikir dan berbincang secara serius. Situasi ini dipilih untuk memperlihatkan penguasaan bahasa secara semula jadi dan santai serta dalam keadaan emosi. Menurut Mohd Sharifudin (2007), dalam keadaan semula jadi dan santai, pemilihan bahasa untuk mengekspresi maksud dilakukan secara rasional dan tidak tertekan. Kata-kata yang digunakan pula diluahkan secara sedar dan dalam kawalan serta pemahaman penutur. Walaupun ujaran diluahkan

secara spontan, penutur masih sempat memilih kata-kata yang sesuai dan mengaturnya menjadi frasa, klausa dan ayat yang gramatis gaya lisan. Tiada unsur paksaan untuk membuat pemilihan. Proses mengeluarkan pertuturan berlaku secara semula jadi dan dengan itu data yang dikumpul adalah lebih tepat menggambarkan keadaan komunikasi sehari-hari.

Mandala dalam keadaan beremosi pula, para penutur cenderung memilih dan menggunakan kata-kata yang tidak terkawal. Pengkaji memerhatikan dalam kedua-dua situasi para responden dapat memberikan gambaran sebenar tentang pemilihan dan penggunaan bahasa mengikut kehendak dan kesediaan mereka

### ***5.1.5 Pemilihan Bahasa Ketika Bertegur Sapa***

<b>Kelompok usia (tahun)</b>	<b>BJ</b>	<b>BM</b>	<b>BJ+BM</b>
6-19	8 (53.33%)	1 (6.66%)	6 (40%)
20-39	27 (69.23%)	1 (2.56%)	11 (28.20%)
40 ke atas	21 (80.76%)	1 (3.84%)	4 (15.38%)

Berdasarkan jadual di atas, responden 6 hingga 19 tahun di kampung Pian menggunakan 53.33% bahasa Jahut, 6.66% bahasa Melayu dan 40% campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu untuk bertegur sapa.

69.23% kelompok responden 20 hingga 39 tahun pula menggunakan bahasa Jahut, 2.56% menggunakan bahasa Melayu dan 28.20% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Manakala, 80.76% kelompok usia 40 tahun ke atas menggunakan bahasa Jahut, 3.84% menggunakan bahasa Melayu dan 15.38% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu. Kata sapaan yang biasa digunakan di kampung Pian ialah apa khabar [apə kəbər], selamat datang [səlamət tɪbəʔ], selamat petang [səlamət tədʊh], jumpa lagi [təmuʔ lagi] dan lain –lain lagi.

### ***5.1.6 Pemilihan Bahasa Ketika Berjual Beli***

<b>Kelompok usia (tahun)</b>	<b>BJ</b>	<b>BM</b>	<b>BJ+BM</b>
6-19	6 (40%)	1 (6.66%)	8 (53.33%)
20-39	22 (56.41%)	9 (23.07%)	8 (20.51%)
40 ke atas	9 (34.62%)	8 (30.77%)	9 (34.62%)

Jadual di atas memperlihatkan responden 6 hingga 19 tahun, 40% menggunakan bahasa Jahut. 6.66% menggunakan bahasa Melayu dan 53.33% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Bagi kalangan responden 20 hingga 39 tahun, 56.41% menggunakan bahasa Jahut, 23.07% menggunakan bahasa Melayu dan 20.51% menggunakan bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Responden berumur 40 ke atas pula, 34.62% menggunakan bahasa Jahut, 30.77% menggunakan bahasa Melayu dan 34.62% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Penduduk kampung Pian menggunakan bahasa Jahut apabila berjual beli di kampung dan menggunakan bahasa Melayu dan campuran bahasa Melayu apabila melalui proses jual beli di luar kampung kerana masyarakat luar tidak tahu berbahasa Jahut dan memaksa mereka bertutur dalam bahasa Melayu. Menurut batin Mohamad Kuang, sebulan sekali beliau akan ke luar kampung untuk membeli barangan harian keluarganya. Terdapat juga masyarakat Melayu yang berdekatan yang datang ke kampung mereka untuk proses jual beli terutama buah-buahan.

### ***5.1.7 Pemilihan Bahasa Ketika Bermain***

<b>Kelompok usia (tahun)</b>	<b>BJ</b>	<b>BM</b>	<b>BJ+BM</b>
6-19	9 (60%)	0 (0%)	6 (40%)
20-39	27 (69.23%)	2 (5.13%)	10 (25.64%)
40 ke atas	18 (69.23%)	2 (7.69%)	6 (23.08%)

Ketika bermain, responden kelompok usia 6 hingga 19 tahun menggunakan bahasa Jahut dan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu. 60% responden menggunakan bahasa Jahut dan 40% responden menggunakan bahasa Jahut dan bahasa Melayu ketika bermain.

Responden kelompok usia 20 hingga 39 tahun pula, 69.23% menggunakan bahasa Jahut, 5.13% menggunakan bahasa Melayu dan 25.64% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu ketika bermain.

Daripada pemerhatian pengkaji, responden 6 hingga 19 tahun kelihatan bermain sesama mereka sahaja tanpa bercampur dengan golongan tua. Kanak-kanak kebanyakannya bermain bola dan berlari-lari di hadapan rumah mereka sahaja. Mereka sering bermain selepas pulang dari sekolah dan pada waktu petang,

manakala bagi responden 20 hingga 39 tahun ke atas mereka terlibat dengan aktiviti kayak bersama pelajar-pelajar luar. Hal ini demikian kerana di kampung mereka terdapat sebatang sungai yang sering dikunjungi oleh pihak luar untuk bermain kayak bersama-sama penduduk kampung Pian. Aktiviti ini hanya dilakukan pada hari cuti sahaja.

Bagi responden berumur 40 ke atas pula, lelaki atau perempuan mereka tidak lagi bermain. Kegiatan harian mereka hanya tertumpu kepada urusan mencari nafkah bagi lelaki dan mengurus rumah tangga bagi perempuan. Golongan wanita kebanyakannya mengisi masa lapang mereka dengan bersembang-sembang dengan jiran tetangga dan menguruskan anak-anak. Kaum lelaki pula pergi ke kebun untuk mencari rezeki.

### ***5.1.8 Pemilihan Bahasa Ketika Berada di Majlis Adat***

<b>Kelompok usia (tahun)</b>	<b>BJ</b>	<b>BM</b>	<b>BJ+BM</b>
6-19	8 (53.34%)	0 (0%)	7 (46.67%)
20-39	26 (66.67%)	4 (10.26%)	9 (23.08%)
40 ke atas	12 (46.15%)	3 (11.54%)	11 (42.31%)

Dalam majlis adat istiadat, 53.34% responden 6 hingga 19 tahun mengakui menggunakan bahasa Jahut, manakala 46.67% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Bagi responden 20 hingga 39 tahun, 66.67% mengakui menggunakan bahasa Jahut, 10.26% menggunakan bahasa Melayu dan 23.08% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Responden berumur 40 ke atas pula, 46.15% mengakui menggunakan bahasa Jahut, 11.54% menggunakan bahasa Melayu, manakala 42.31% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Berdasarkan data di atas mendapati penggunaan bahasa Jahut dalam upacara adat dan agama dalam kalangan responden adalah tinggi berbanding menggunakan bahasa Melayu dan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu. Golongan remaja, dewasa dan tua menunjukkan kecenderungan untuk menggunakan bahasa Jahut berbanding bahasa Melayu. Kebanyakannya masyarakat Jahut juga tiada pegangan agama. Oleh itu, adat istiadat mereka memang diwarisi daripada nenek moyang mereka dari turun temurun lagi tanpa wujud sebarang perubahan. Upacara-upacara yang sering dilakukan ialah kenduri kendara, upacara mempinang, pengebumian dan lain-lain.

### ***5.1.9 Pemilihan Bahasa Ketika Menyanyi***

<b>Kelompok usia (tahun)</b>	<b>BJ</b>	<b>BM</b>	<b>BJ+BM</b>
6-19	0 (0%)	7 (46.67%)	8 (53.34%)
20-39	2 (5.13%)	22 (56.41%)	15 (38.46%)
40 ke atas	3 (7.69%)	14 (53.85%)	9 (34.62%)

Jadual di atas menunjukkan responden 6 hingga 19 tahun hanya menggunakan bahasa Melayu dan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu ketika menyanyi. 46.67% responden menggunakan bahasa Melayu, manakala 53.34% menggunakan bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Responden 20 hingga 39 tahun pula, 5.13% mengakui menyanyi dalam bahasa Jahut, 56.41% menyanyi dalam bahasa Melayu dan 38.46% menyanyi dalam bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Bagi responden 40 ke atas 7.69% mengakui menyanyi dalam bahasa Jahut, 53.85% dalam bahasa Melayu dan 34.62% menyanyi dalam bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Berdasarkan data yang diperolehi kebanyakan responden kampung Pian menggunakan bahasa Melayu apabila menyanyi. Hal ini demikian mereka telah terdedah dengan perkembangan seni muzik dan lagu Melayu tempatan melalui media elektronik. Tambahan pula, lagu dalam bahasa Jahut sangat kurang didapati. Menurut batin Mohamad Kuang hanya lagu bertajuk Ibok sahaja menggunakan keseluruhan bahasa Jahut yang dinyanyikan oleh Noraniza Idris.

### ***5.1.10 Pemilihan Bahasa Ketika Mengira***

<b>Kelompok usia (tahun)</b>	<b>BJ</b>	<b>BM</b>	<b>BJ+BM</b>
6-19	0 (0%)	6 (40%)	9 (60%)
20-39	8 (20.51%)	12 (30.77%)	19 (48.72%)
40 ke atas	13 (50%)	4 (15.38%)	9 (34.62%)

Jadual di atas menunjukkan responden berusia 6 hingga 16 tahun, 40% menggunakan bahasa Melayu dan 60% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu ketika mengira. Peratusan ini menunjukkan golongan remaja masih tahu mengira menggunakan bahasa ibunda walaupun hanya campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu. Proses pembelajaran di sekolah menjadi faktor golongan ini menggunakan bahasa Melayu ketika mengira.

20.51% responden 20 hingga 39 tahun menggunakan bahasa Jahut ketika mengira, 30.77% menggunakan bahasa Jahut, manakala 48.72% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu ketika mengira. Walaupun begitu, golongan dewasa masih mampu mengira dalam bahasa Jahut dengan baik.

Responden golongan tua pula menunjukkan peningkatan dalam penggunaan bahasa Jahut. 50% menggunakan bahasa Jahut, 15.38% menggunakan bahasa Melayu dan 34.62% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu. Berikut adalah perbezaan sebutan beberapa angka dan bilangan antara bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

<b>BM</b>	<b>BJ</b>
Beberapa	[mərəm]
Sedikit	[siket]
Banyak	[baʔləʔ]
Satu	[niwey]
Dua	[narl]
Tiga	[tigaʔ]

### ***5.1.11 Pemilihan Bahasa Ketika Berjenaka***

<b>Kelompok usia (tahun)</b>	<b>BJ</b>	<b>BM</b>	<b>BJ+BM</b>
6-19	4 (26.67%)	4 (26.67%)	7 (46.67%)
20-39	23 (58.97%)	2 (5.13%)	4 (10.26%)
40 ke atas	13 (50%)	0 (0%)	13 (50%)

Daripada pemerhatian pengkaji, penduduk di kampung Pian ini mudah mesra dan didekati jika pandai mengambil hati mereka. Apabila berbual secara tidak langsung mereka akan berjenaka dengan rakan-rakan dan pengkaji. Jenaka membabitkan emosi santai dan boleh menimbulkan gelak ketawa atau sekadar senyuman dalam interaksi seseorang. Penggunaan bahasa pula secara bersahaja, tanpa tekanan dan kekhuatiran tersalah memilih diksi yang tepat. Dalam situasi sebegini, pengkaji mengharapkan responden akan menerbitkan kata-kata bahasa ibunda dalam perbualan mereka.

Dalam kalangan responden 6 hingga 19 tahun, menunjukkan 26.67% daripada mereka bergurau senda dalam bahasa Jahut, 26.67% dalam bahasa Melayu dan 46.67% menggunakan alih kod.

Responden berusia 20 hingga 39 tahun ke atas pula, 58.97% mengakui menggunakan bahasa Jahut ketika berjenaka, 5.13% mengakui menggunakan bahasa Melayu dan 10.26% mengakui menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Bagi responden 40 ke atas 50% mengakui menggunakan bahasa Jahut ketika berjenaka, manakala 50% responden menggunakan campuran bahasa Melayu dan bahasa Jahut.

### ***5.1.12 Pemilihan Bahasa Ketika Memarahi Seseorang***

<b>Kelompok usia (tahun)</b>	<b>BJ</b>	<b>BM</b>	<b>BJ+BM</b>
6-19	9 (60%)	2 (13.33%)	4 (26.67%)
20-39	29 (74.36%)	2 (5.13%)	8 (20.51%)
40 ke atas	17 (65.38%)	0 (0%)	9 (34.62%)

Jadual menunjukkan 60% responden berumur 6 hingga 19 tahun menggunakan bahasa Jahut ketika memarahi seseorang, 13.33% menggunakan bahasa Melayu dan 26.67% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Bagi kelompok usia 20 hingga 39 tahun pula, 74.36% menggunakan bahasa Jahut, 5.13% menggunakan bahasa Melayu dan 20.51% menggunakan bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Responden 40 ke atas pula hanya menggunakan bahasa Jahut dan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu apabila memarahi seseorang. 65.38% responden menggunakan bahasa Jahut dan 34.62% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Berdasarkan peratusan, keadaan ini menunjukkan keseluruhan responden masih lagi menggunakan bahasa ibunda mereka ketika di bawah kawalan emosi kerana mempunyai input bahasa itu di dalam minda mereka yang dapat digunakan dalam situasi sedemikian terutamanya golongan tua yang hanya menggunakan bahasa Jahut dan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu sahaja apabila memarahi seseorang.

Menurut Mohd Sharifudin (2007) sewaktu melepaskan kemarahan, emosi akan menguasai diri seseorang. Situasi ini menyebabkan pertuturan seseorang akan menjadi tegang, panas dan menggunakan diksi-diksi sarkastik yang bertujuan melepaskan geram pada pihak tertentu. Justeru itu, pengkaji menjangkakan akan



terbit perkataan-perkataan yang boleh menunjukkan jenis bahasa yang digunakan ketika itu.

### **5.1.13 Pemilihan Bahasa Ketika Menyatakan Perasaan Sayang**

<b>Kelompok usia (tahun)</b>	<b>BJ</b>	<b>BM</b>	<b>BJ+BM</b>
6-19	8 (53.33%)	1 (6.67%)	6 (40%)
20-39	19 (48.72%)	7 (17.95%)	13 (33.33%)
40 ke atas	12 (46.15%)	2 (7.69%)	12 (46.15%)

Ketika menyatakan perasaan sayang, minda seseorang juga berada dalam kawalan emosi. Pengujaran dibuat secara lebih terkawal dan tiada ketegangan pada minda kerana penutur mengambil kira emosi pendengarnya.

Responden berumur 6 hingga 19 tahun mengakui menggunakan 53.33% bahasa Jahut apabila menyatakan perasaan sayang pada seseorang, 6.67% menggunakan bahasa Melayu dan 40% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu. Ternyata golongan ini masih menguasai dan menggunakan bahasa Jahut Responden berumur 20 hingga 39 tahun pula mengakui menggunakan 48.72% bahasa Jahut, 17.95% menggunakan bahasa Melayu dan 33.33% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Manakala, responden berumur 40 tahun ke atas menggunakan 46.15% bahasa Jahut, 7.69% menggunakan bahasa Melayu dan 46.15% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu. Dengan melihat perbezaan yang ketara dalam peratusan penggunaan bahasa Jahut dan bahasa Melayu menunjukkan golongan ini menguasai bahasa Jahut berbanding bahasa Melayu, manakala penggunaan bahasa Jahut dan penggunaan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu menunjukkan persamaan dari segi peratusan. Persamaan ini disebabkan terdapat segelintir golongan muda yang tidak memahami bahasa yang digunakan oleh golongan tua apabila menyatakan perasaan sayang. Oleh itu, mereka lebih senang menggunakan bahasa Jahut dan bahasa Melayu agar golongan muda mudah memahami apa yang hendak disampaikan.

### **5.1.14 Pemilihan Bahasa Ketika Berfikir**

<b>Kelompok usia (tahun)</b>	<b>BJ</b>	<b>BM</b>	<b>BJ+BM</b>
6-19	2 (13.33%)	8 (53.33%)	5 (33.33%)
20-39	20 (51.28%)	8 (20.51%)	11 (28.21%)
40 ke atas	15 (57.69%)	2 (7.69%)	9 (34.62%)

Jadual di atas pula memperlihatkan statistik di kampung Pian dalam situasi berfikir. 13.33% responden muda berusia 6 hingga 19 tahun ini mengakui berfikir dalam bahasa Jahut sebelum meluahkan buah fikiran itu dalam bentuk bahasa yang mengikut kebiasaan mereka. 53.33% menggunakan bahasa Melayu, manakala 33.33% yang lain berfikir dalam bahasa Jahut dan bahasa Melayu. Ternyata mereka telah menguasai bahasa Melayu dan banyak berfikir menggunakan bahasa Melayu dan meluahkannya dalam bahasa itu.

Manakala, bagi responden berumur 20 hingga 39 tahun mereka banyak berfikir menggunakan bahasa ibunda mereka sendiri iaitu bahasa Jahut. 51.28% menggunakan bahasa Jahut, 20.51% menggunakan bahasa Melayu dan 28.21% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu apabila berfikir.

Begitu juga dengan kelompok usia 40 tahun ke atas, mereka banyak menggunakan 57.69% bahasa Jahut ketika berfikir, 34.62% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu dan hanya 7.69% sahaja yang menggunakan bahasa Melayu.

### ***5.1.15 Pemilihan Bahasa Ketika Berbincang Secara Serius***

<b>Kelompok usia (tahun)</b>	<b>BJ</b>	<b>BM</b>	<b>BJ+BM</b>
6-19	5 (33.33%)	6 (40%)	4 (26.67%)
20-39	27 (69.23%)	4 (10.26%)	8 (20.51%)
40 ke atas	17 (65.38%)	2 (7.69%)	7 (26.92%)

Perbincangan boleh berlaku dalam situasi, iaitu situasi formal dan tidak formal. Situasi formal berlaku dalam majlis-majlis seperti seminar, mesyuarat, forum dan sebagainya. Manakala situasi tidak formal membabitkan perbualan antara dua pihak yang bersemuka dan bercakap tentang isu-isu tertentu. Daripada pemerhatian pengkaji mendapati penduduk kampung Pian ini hanya menghadapi perbincangan dalam situasi tidak formal kerana hanya tinggal di persekitaran kampung sahaja dan kurang menghadiri majlis-majlis formal.

33.33% responden 6 hingga 19 tahun menggunakan bahasa Jahut, 40% menggunakan bahasa Melayu dan 26.67% menggunakan campuran bahasa Jahut dan bahasa Melayu ketika berbincang secara serius.

Responden berumur 20 hingga 39 tahun pula mengakui 69.23% daripada mereka menggunakan bahasa Jahut, 10.26% menggunakan bahasa Melayu dan 20.51% menggunakan bahasa Jahut dan bahasa Melayu.

Responden lebih 40 tahun menggunakan 65.38% bahasa Jahut, 7.69% menggunakan bahasa Melayu dan 26.92% menggunakan bahasa Jahut dan bahasa Melayu

Statistik ini menjelaskan bahawa semua responden masih menggunakan bahasa Jahut dalam situasi formal dan tidak formal. kelompok usia 20 tahun ke atas mencatatkan peratusan yang tinggi berbanding kelompok usia 6 hingga 19 tahun. Ini menunjukkan bahasa Jahut masih digunakan dengan baik dalam kalangan orang dewasa dan tua di kampung Pian walaupun dipengaruhi oleh bahasa Melayu.

## **6.0 KESIMPULAN**

Pengkaji telah mengenal pasti tahap kepupusan bahasa Jahut berdasarkan persoalan-persoalan daripada kerangka teori Edward dan model Sasse. Berdasarkan data pemilihan bahasa yang dianalisis menunjukkan bahasa ibunda orang asli Jahut masih lagi didukung oleh mereka dengan baik di petempatan mereka. Oleh itu, bahasa Jahut masih lagi dalam tahap tidak mengalami ancaman kepunahan kerana sikap positif yang ditunjukkan oleh responden. Golongan yang berusia 6 hingga 40 tahun masih lagi berkeyakinan menggunakan bahasa Jahut dan berjaya memanfaatkan bahasa Jahut dalam mandala kekeluargaan dan kemasyarakatan. Kebanyakan mereka masih mengetahui perkataan-perkataan dalam bahasa Jahut dan berkomunikasi dalam bahasa Jahut dengan baik walaupun terdedah dengan kemasukan pengaruh bahasa Melayu menerusi media elektronik seperti televisyen dan radio.

Sikap penutur terhadap bahasa Jahut juga positif dan mereka yakin terhadap kemampuan dan upaya bahasa mereka dalam komunikasi harian. Walau bagaimanapun, hal ini tidak menjamin bahasa Jahut terlepas daripada tahap terancam kerana bilangannya penutur natif adalah kecil berbanding penutur majoriti bahasa Melayu di Malaysia. Oleh itu, pelestarian bahasa harus dilakukan supaya perkara yang tidak diinginkan berlaku terhadap bahasa ibunda mereka.

Kajian yang dilakukan ini diharapkan dapat memberi maklumat tentang status dan tahap kelestarian sesuatu bahasa dalam kalangan penutur natif. Pengkaji juga berharap agar pengkajian tentang orang Asli akan dilakukan pada masa hadapan untuk mengesan tahap sesuatu bahasa minoriti berdasarkan sikap dan pemilihan berbahasa terhadap bahasa ibunda mereka sendiri. Berdasarkan kajian ini, pelestarian bahasa dapat dilakukan segera sebelum sesuatu bahasa itu terancam pupus.

## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Ilahi kerana akhirnya saya dapat menyiapkan penulisan artikel yang bertajuk Pemilihan Bahasa Masyarakat Jahut di Pahang. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Dr Haji Mohd Sharifudin Yusop kerana banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan dalam menghasilkan artikel ini. Tidak lupa juga kepada para informan dan responden kampung Pian, Kuala Krau di Pahang yang telah memberikan kerjasama memberi maklumat berkaitan kajian yang dilakukan khususnya tok batin iaitu Mohammad Kuang. Selain ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepa Encik Tarak selaku orang tengah antara saya dengan para informan. Terima kasih diucapkan juga kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Pahang dan pihak-pihak lain yang terlibat iaitu Perpustakaan Orang Asli Gombak, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Razaq Ahmad, & Zalizam Mohd Jelas. (2009). *Masyarakat Orang Asli, Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Talib Bon. (2003). *Kenali Kami Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Batu Pahat: Kolej Universiti Tun Hussein Onn.
- Arabi Idid. (1993). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2006). *Kaedah Penyelidikan di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Yahya & et al. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Baktiar Bin Kasbi. (1984). *Tradisi Sosial Masyarakat Jab Het di Kuala Krau, Pahang: Satu Kajian Etnografis*. Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Diffloth, G. I. (1976). *Jab Het and Austroasiatic Language Of Malay Peninsular Southeast Asian Studies*. Pacific Linguistics, Canberra.

- Fauziah Mat. (1993). *Dialek Jahai: Satu Kajian Fonologi*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hunt A. W. (1952). *An Introduction to The Malayan Aborigines*. Kuala Lumpur: Government Printers.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2002). *Kebudayaan, Budaya Dan Pantang Larang Orang Asli*. Kuala Lumpur: Penerbitan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli*. Kuala Lumpur: Penerbitan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Shah Alam: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah. *Masyarakat Orang Asli Di Semenanjung Malaysia*, dalam Zulhilmi Paidi Dan Rohani Abdul Ghani (2003). *Masyarakat di Malaysia*. Bentong, Pahang: Pts Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2000). *Kelestarian Bahasa Mandailing di Malaysia: Satu Tinjauan Sosiologi Bahasa*.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). *Keusangan Bahasa Orang Asli Melayu Proto: Kajian Sosiologi Bahasa Terhadap Dialek Kanaq di Johor*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2013). *Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano & Kanaq*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nor Hisham Osman. (1999). *Pemeliharaan dan Penyisihan Bahasa: Kajian Kes Terhadap Komuniti Minoriti Rajang-Tanjong*. Universiti Malaysia.
- Noraikha Binti Haji Mohd Isa. (1986). *Proses Pertanian Malaysia Masyarakat Jah Het: Kajian Kes di Kg Sungai Kiul, Jerantut, Pahang*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Khairulhusna Bin Wan Mokhtar. (2011). *Kelestarian Bahasa Orang Asli Bateq dan Mah Meri Berdasarkan Aspek Fonologi Dan Leksikal*. Universiti Putra Malaysia.
- Zainal Abidin Bin Masleh. (2011). *Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Labanan di Daerah Belaga, Sarawak*. Universiti Putra Malaysia.